

Mahasiswa Kursus Lakon Layar UMS jayakan Program 'Its Start With Us'

UB 3.12.2017 B5

SERAMAI 37 orang mahasiswa Kursus Pengenalan Kepada Lakon Layar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program 'Its Start With Us' di Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz, Bandar Sierra.

Pengarah Program Mohd Firdaus Aminudin berkata, Program 'Its Start With Us' itu bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri khususnya kepada murid Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz Bandar Sierra serta mahasiswa UMS dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Program berlangsung dari jam 6.30 pagi hingga 5.00 petang dan dihadiri seramai 41 orang murid Tahap 2 dari Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz, Bandar Sierra.

Pelbagai aktiviti

berfaedah dijalankan yang dapat meningkatkan keyakinan murid-murid sekolah dan mahasiswa UMS khususnya.

"Dua sesi dijalankan pada hari berkenaan, iaitu pada sesi sebelah pagi, para pelajar sekolah menyertai aktiviti yang dikendalikan oleh mahasiswa UMS seperti perkongsian ilmu dan pengalaman mahasiswa sendiri, permainan *Charade*, permainan *Wow* dan pertandingan melukis menggunakan tali.

Manakala pada sesi sebelah petang pula adalah tayangan video korporat yang telah dihasilkan oleh mahasiswa Kursus Pengenalan Kepada Lakon Layar, penyampaian anugerah pelajar yang cemerlang dalam UPSR, penyampaian hadiah kepada para pemenang dan seterusnya penutupan



MAHASISWA UMS mengambil gambar bersama murid Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz.

majlis," kata Mohd Firdaus.

Aktiviti ini juga mampu

membantu mahasiswa untuk mengenal lebih rapat dengan murid dan

guru-guru sekolah rendah Islam Al-Hafidz dengan menekankan kepentingan sekolah Islam Al-Hafidz dalam membentuk murid-murid yang seimbang dari segi agama dan akademik kepada masyarakat luar serta sekaligus memberi peluang kepada mahasiswa UMS yang terlibat sama dalam program ini.

Hadir sama, perasmii program iaitu Adam Jailani, selaku Pengerusi Alpa, Pensyarah Kursus Pengenalan Kepada Lakon Layar Rosli Sareya, para guru Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz dan ibu bapa kepada para pelajar yang terlibat.



MOHD Firdaus Aminudin menyampaikan sijil penghargaan kepada Mudir Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz Ustaz Salman Muhamad Amin.



FIRDAUS sedang melukis bersama murid sekolah berkenaan.



MAHASISWA UMS bergambar dengan banner Program 'Its Start With Us' di hadapan Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz.